



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MUALLAF EDUCATION MODULE IN MALAYSIA: ANALYSIS OF LEVEL AND CONTENT]

MODUL PENDIDIKAN MUALLAF DI MALAYSIA: ANALISA TERHADAP TAHAP DAN KANDUNGAN

FAEZY ADENAN^{1*}
ASMAA' MOHD ARSHAD¹
MOHD AFANDI MAT RANI¹
MOHD IZZAT AMSYAR MOHD ARIF¹
AZRI BHARI¹
SITI AFIFAH MAT RANI¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Selangor.

*Corresponding Author: faezyadenan@gmail.com

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

Abstract

This article discusses the educational module of muallaf in Malaysia. Some modules that have been implemented in several academic institutions such as Darul Hidayah MAIWP Education Module, Hidayah Centre Education Module, Baitussalam Education Module, PERKIM Islamic Da'wah Institute (IDIP) and Islamic Studies Institute, National PERKIM Islamic Studies Class and Sabah Islamic Institute and Da'wah Institute (IPDAS). The method used in this study is in the form of quality through library research and analyzed using content analysis and comparison by looking at the modules of muallaf education centres that have been used. The analysis of this muallaf module is fundamental to see the suitability of the level and ability and effectiveness of the convert to follow the syllabus that has been provided. The results of the study found that there is a syllabus that has been drafted over for 5 years and needs to be re-evaluated so that it can be updated and in line with current changes and needs. This writing will be an essential reference for institutions, researchers as well as the country.

Keywords: Syllabus, Muallaf Education, Levels & Content

Abstrak

Penulisan ini membincangkan tentang modul pendidikan muallaf di Malaysia. Beberapa modul yang telah dilaksanakan di beberapa institusi pendidikan muallaf seperti Modul Pendidikan Darul Hidayah MAIWP, Modul Pendidikan Hidayah Centre, Modul Pendidikan Baitussalam, Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) dan Institut Pengajian Islam, Kelas Pengajian Islam PERKIM Kebangsaan dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif melalui kajian perpustakaan serta dianalisis menggunakan analisis kandungan dan perbandingan dengan melihat kepada modul-modul pusat

pendidikan muallaf yang telah digunakan. Analisa terhadap modul muallaf ini sangat penting untuk melihat kesesuaian tahap dan kemampuan serta keberkesanan muallaf untuk mengikuti silibus yang telah disediakan. Hasil kajian mendapati terdapat silibus yang telah dirangka melebihi tempoh 5 tahun dan perlu kepada penilaian semula agar ia dapat dikemas kini dan sejajar dengan perubahan dan keperluan semasa. Penulisan ini akan menjadi rujukan penting kepada institusi, penyelidik serta kepada negara.

Kata kunci: Silibus, Pendidikan Muallaf, Tahap & Kandungan

Cite as: Faezy Adenan, Asmaa' Mohd Arshad, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Azri Bhari & Siti Afifah Mat Rani. 2021. Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa terhadap Tahap dan Kandungan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 266-276.

PENGENALAN

Muslim yang baru menganut agama Islam dikenali sebagai “Muallaf”. Dalam surah al-Taubah ayat 60, telah dijelaskan bahawa golongan muallaf adalah golongan yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya untuk mentauhidkan Allah yang satu dan menjalankan segala perintah yang ditetapkan oleh syariat. Pasca pengislaman, adalah menjadi fardu kifayah khususnya bagi institusi berkuasa bagi memainkan peranan untuk membimbing para muallaf ini ke arah pemahaman Islam yang sebenar. Dengan pendidikan yang mantap dan holistik, serta sokongan rohani dan jasmani, akan mampu memantapkan akidah muallaf seraya membendung mereka daripada kembali agama asal mereka.

Pertambahan muallaf dari semasa ke semasa saban hari kian bertambah. Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah muallaf yang direkodkan dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Di Malaysia, berdasarkan kepada senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Agama Islam Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri bertanggungjawab sebagai sebuah institusi bagi memastikan hal ehwal muallaf mengikut peruntukan di bawah asnaf muallaf. Justeru itu, pihak yang berkuasa perlu memainkan peranan penting dalam mengurus hal ehwal muallaf dengan menyediakan inisiatif program terutamanya berbentuk pendidikan dan bimbingan. Hal ini kerana, pendidikan agama Islam yang tepat dan benar sangat penting bagi memastikan golongan muallaf mendapat ilmu didikan agama sebaiknya agar mereka menjadi Muslim yang sempurna. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat dan menganalisis modul yang ditawarkan oleh beberapa pusat pendidikan muallaf yang terdapat di Malaysia, seterusnya kajian ini akan mencadangkan modul yang komprehensif bagi pendidikan dan pengajian muallaf.

SOROTAN LITERATUR

Masnih Mustafa et. al. (2017) menunjukkan hasil kajian mendapati terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh muallaf misalnya kekurangan ilmu Islam, tekanan emosi serta keadaan sekeliling yang tidak membantu. Kajian ini mencadangkan kepada keperluan suatu modul pengajian muallaf yang berkesan bagi meningkatkan pengetahuan agama Islam dalam

kalangan muallaf. Syarul Azman Shahrudin et. al. (2018) mendapati tahap kefahaman akidah dalam kalangan muallaf di Selangor masih berada tahap yang sederhana.

Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail (2018) menyatakan bahawa pendidikan muallaf sangat penting bagi memenuhi keperluan spiritual dalaman seseorang muallaf. Melalui kekuatan spiritual, ia akan membawa kepada kehidupan yang baik bagi muallaf. Manakala Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, & Jemali (2017) menekankan kepentingan kefahaman terhadap subjek akidah.

Azman Ab Rahman et. al (2015) mencadangkan untuk membangunkan sebuah modul pengajian muallaf yang menyeluruh serta meliputi aspek kefahaman, amalan dan penghayatan golongan muallaf. Kajian daripada Nurayuni Adibah Abdullah et. al. (2019) menyatakan bahawa Modul Pengajaran Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) sedia ada yang digunakan adalah tidak mencakupi keseluruhan aspek pengajian muallaf. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et. al. (2015) pula mencadangkan ilmu perbandingan agama perlu ditekankan kepada golongan muallaf khususnya bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkaitan muallaf.

Kajian Md Noor Hussin, Kamal Azmi Abd Rahman, & Wazir (2019) menyatakan bahawa pendidikan kepada golongan muallaf tidak terhad kepada pengajian akidah, fikah dan akhlak sahaja, namun ianya juga perlu meliputi kepada pengajian Bahasa Arab agar dapat membantu golongan muallaf menghayati ajaran Islam khususnya kepada ibadah yang dilakukan.

Jadi berdasarkan kajian-kajian lepas, menunjukkan bahawa pengajian dan pendidikan agama Islam merupakan aspek yang sangat penting untuk ditekankan dan diberikan kepada golongan muallaf selepas pengislaman mereka terutamanya aspek akidah, ibadah dan lain-lain. Banyak kajian juga mencadangkan kepada keperluan untuk membangunkan modul yang komprehensif, bukan sahaja meliputi ilmu fardhu ain, tetapi juga ilmu fardhu kifayah.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini berbentuk analisis deskriptif yang melibatkan pengambilan data melalui kaedah kepustakaan. Kaedah ini dipilih memandangkan ianya merupakan pendekatan terbaik bagi mendapatkan sorotan ke atas modul pendidikan muallaf yang digunakan pada masa kini di seluruh Malaysia. Di samping itu, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan perbandingan dengan melihat kepada modul-modul pendidikan muallaf tersebut. Skop kajian ini hanya terbatas kepada tiga modul pendidikan muallaf sahaja iaitu Modul Pendidikan Darul Hidayah (MAWIP), Modul Pendidikan Hidayah Centre dan Modul Pendidikan Baitus Salam (LZS). Ketiga-tiga modul muallaf ini dipilih adalah kerana ia merupakan antara modul Pendidikan muallaf yang telah lama digunakan di tempat pengajian tersebut dan sering menjadi rujukan kepada negeri-negeri lain dalam pendidikan agama Islam kepada muallaf. Hal ini kerana, sehingga kajian ini dijalankan, masih belum ada modul yang standard yang digunakan oleh semua sistem pengajian muallaf di seluruh Malaysia. Oleh itu, kajian ini merupakan rintis.

PELAKSANAAN MODUL PENDIDIKAN MUALLAF DI MALAYSIA

Sistem pendidikan asnaf muallaf atau saudara Muslim dibangunkan dengan tujuan untuk menjadi panduan kepada setiap saudara Muslim untuk mendapatkan ilmu pengetahuan berkaitan Islam secara sistematik, terancang dan berkesan berasaskan kepada keperluan dan memenuhi aspirasi saudara baru.

Pembangunan modul muallaf telah lama dilaksanakan di Malaysia. Namun kajian dan analisa terhadap tahap dan kandungan modul masih kurang mendapat perhatian oleh para sarjana secara terperinci. Kajian ini akan membincangkan tentang pelaksanaan silibus pendidikan muallaf di Malaysia dengan memfokuskan kepada perlaksanaannya di Darul Hidayah (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan), Hidayah Center Foundation dan Baitus Salam (Lembaga Zakat Selangor).

Modul Pendidikan Darul Hidayah MAIWP

Kompleks Darul Hidayah ditubuhkan bagi menjaga kebajikan saudara muslim di Wilayah Persekutuan, sebuah blok kediaman empat (4) tingkat berkonsepkan studio apartment dengan keluasan tanah 971.28 meter persegi, telah dijadikan pusat transit (penempatan sementara) dan kegiatan saudara Muslim yang dikenali sebagai Asrama Darul Hidayah MAIWP Kg. Baru. Pusat ini telah mula beroperasi sejak 1 Disember 2012. Pusat ini dapat menempatkan seramai 50 orang penghuni pada satu masa. Selain daripada kemudahan penginapan sementara untuk tempoh enam bulan, pusat ini juga menyediakan kemudahan kelas pengajian mengikut tahap-tahap tertentu iaitu pra-asas, asas, pertengahan dan lanjutan (JAWI, tt).

Modul pendidikan muallaf Darul Hidayah (DH) yang diterbitkan pada tahun 2009 telah dibangunkan oleh kumpulan penyelidik daripada UKM Pakarunding SDN BHD dan dibengkelkan sebanyak 2 kali melibatkan beberapa orang saudara Muslim. Pandangan mereka diambilkira dalam menyempurnakan kajian pembinaan modul Darul Hidayah. Modul yang dilaksanakan ini disasarkan kepada golongan saudara Muslim peringkat pertengahan dan ke atas yang mempunyai keupayaan untuk melalui proses pembelajaran sendiri. Fokus modul ini turut terpakai kepada golongan muallaf yang bekerja dan mempunyai masa yang terhad untuk menghadiri kelas pengajian sepenuh masa.

Modul pendidikan DH mempunyai 4 kategori modul iaitu Pengenalan Islam, Pengukuhan Iman, Penghayatan Islam dan modul keempat adalah Pendakwah Islam. Modul ini mempunyai 9 bahagian merangkumi Akidah Islamiyah, Syariah (Ibadah, Munakahat dan Muamalat), al-Quran, hadis, Akhlak Islamiyah, Sirah Nabawiyyah, perbandingan agama, dakwah Islamiyah, dan isu saudara baru (Zulkifle Ab. Ghani et al, 2009).

Tempoh masa yang disarankan kepada asnaf muallaf adalah sekurang-kurangnya 8 minggu dengan dibantu oleh guru pembimbing. Sebahagian besar daripada modul ini telah dimanfaatkan oleh pelbagai institusi yang terlibat dengan pendidikan saudara Muslim seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) di Kedah, Institut Dakwah Islamiah PERKIM di Kelantan, Hidayah Centre Foundation, Pusat Perlindungan Baitus Salam, Selangor dan lain-lain.

Tempoh Pengajaran Dan Pembelajaran

Modul ini dilaksanakan dalam tempoh 4 semester dan bagi setiap semester mengambil masa selama 6 bulan. Justeru, tempoh keseluruhan pengajian adalah selama 2 tahun.

Jadual 1: Modul pengajaran

| Semester/ modul | Tajuk |
|-----------------|-------------------|
| 1 | Pengenalan Islam |
| 2 | Pengukuhan Iman |
| 3 | Penghayatan Islam |
| 4 | Pendakwah Islam |

Setelah peserta menamatkan modul pertama, mereka akan dianugerahkan sijil untuk mengikuti modul yang seterusnya. Setelah menamatkan modul keempat, peserta tidak lagi dianggap sebagai status muallaf dan mereka akan bergiat aktif sebagai pendakwah.

Jadual 2: Jadual kuliah

| Modul | Aktiviti | Tempoh (Mingguan) |
|---------|-----------------------------|-------------------|
| 1 | Perkuliahan / amali Cuti | 10 minggu 1 |
| 2 | Perkuliahan / amali | 10 |
| 3 | Minggu ulangkaji | 1 |
| 4 | Peperiksaan Cuti | 2 2 |
| 4 modul | | 26 minggu |

Proses P&P mengambil masa selama 8 jam seminggu iaitu 4 jam pada hari Sabtu dan 4 jam pada hari Ahad. Bagi setiap pertemuan guru pembimbing akan mengambil masa selama 1-2 jam untuk latihan amali.

Jadual 3: Penilaian markah

| Aktiviti | Pembahagian markah |
|--|--------------------|
| Penguasaan ilmu pengetahuan (Bertulis) | 50% |
| Ujian Lisan, amali dan pemerhatian | 40% |
| Penilaian | 10% |

Pencapaian 70% adalah markah lulus yang melayakkan peserta mendapat sijil asas ilmu dan penghayatan Islam dan sijil asas pengajian dan penghayatan Islam.

Panduan dan Latihan Pengajar

Antara prasyarat untuk menjadi tenaga pengajar pendidikan muallaf hendaklah mengikuti latihan khusus yang disediakan oleh pihak institusi pendidikan muallaf. Mereka yang mengikuti kursus latihan mengajar sahaja yang dibenarkan untuk menjadi tenaga pengajar yang bertauliah.

Modul yang disediakan adalah sebagai panduan asas atau garis panduan umum yang memerlukan guru merujuk kepada bahan bacaan lain sebagai tambahan. Para guru tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada bahan yang terkandung dalam modul. Bagi peserta yang telah mempunyai tahap penguasaan ilmu agama yang tinggi mereka digalakkan untuk mempelajari bahan-bahan pengajian secara sendiri dengan membuat latihan, memperkukuhkan amali serta mendalami isi kandungan al-Quran dan hadis. Sumber-sumber bacaan dan rujukan telah dicadangkan oleh pihak guru agar pelajar tidak terdedah kepada penyelewengan fakta dan terkawal. Pendekatan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar sangat digalakkan melalui perbincangan secara proaktif.

Jadual 4: Modul pengajaran

| Modul | Kandungan | Tempoh |
|--|--|---------|
| Modul 1: - Ujian - Sijil asas Ilmu & Penghayatan Islam 1 | 1. Akidah Islamiyah 2. Syariah / Ibadah 3. Al-Quran 4. Al-Hadis 5. Akhlak Islamiyah 6. Sirah Nabawiyah 7. Isu-isu saudara Muslim | 6 bulan |
| Modul 2 - Ujian - Sijil asas Ilmu & Penghayatan Islam 2 | 1. Akidah Islamiyah 2. Syariah / Muamalat 3. Al-Quran 4. Al-Hadis 5. Akhlak Islamiyah 6. Sirah Nabawiyah | 6 bulan |
| Modul 3 - Ujian - Sijil asas Ilmu & Penghayatan Islam 3 | 1. Akidah Islamiyah 2. Syariah / Muamalat 3. Al-Quran 4. Al-Hadis 5. Akhlak Islamiyah 6. Sirah Nabawiyah | 6 bulan |
| Modul 4 - Ujian - Sijil asas Ilmu & Penghayatan Islam 4 | 1. Akidah Islamiyah 2. Syariah / Muamalat 3. Al-Quran 4. Al-Hadis 5. Akhlak Islamiyah 6. Sirah Nabawiyah 7. Perbandingan agama 8. Dakwah Islamiyah 9. Isu-isu saudara muslim | 6 bulan |

Antara perkara yang tidak disentuh dalam modul ini ialah berkaitan *siyasa syariyyah*, pengurusan harta amanah termasuk harta pusaka, harta dalam perkahwinan.

MODUL PENDIDIKAN HIDAYAH CENTRE

Pendidikan di HC dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap 1 sebagai Asas, Tahap 2 Pertengahan dan Tahap 3 adalah Pendidikan Lanjutan. Tempoh bagi ketiga-tiga tahap ini adalah selama setahun 6 bulan. HC memfokuskan kepada 9 subjek utama sebagai mata pelajaran wajib. Antaranya ialah Aqidah, Ibadah, Perundangan Islam, Akhlak, Muamalah, Sirah / Tamadun Islam, Quran / Hadis, Munakahat, Dakwah dan Perbandingan Agama. Sehingga kini terdapat 8 buah negeri yang mempunyai pusat pendidikan yang diuruskan oleh HC merangkumi 34 buah daerah. Sebahagian besar cawangan Pendidikan HC berada di negeri Sabah iaitu sebanyak 15 cawangan.

Terdapat 7 objektif Pendidikan Saudara Baru yang akan dicapai oleh HC dalam tempoh setahun 6 bulan. Antaranya untuk melahirkan saudara baru yang berpengetahuan sekurang-kurangnya dalam perkara fardu ain dan ilmu asas Islam. Selain itu dapat membimbing saudara baru melaksanakan ibadah dengan baik serta mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari. Menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri saudara baru supaya mereka menjadi Muslim yang berperibadi mulia. Pendidikan di HC juga berperanan untuk membetulkan sebarang salah faham dan perkara-perkara yang tidak jelas seperti hukum Fiqh, Tauhid dan lain-lain. Aspek pergaulan juga ditekankan agar mereka digalakkan bergaul antara sesama saudara baru dan Muslim asal agar mereka tidak kekok untuk bergaul dengan komuniti Islam yang lain.

Seterusnya dapat membentuk mereka menjadi da'i serta menjadi Muslim contoh kepada muallaf yang lain (Nurul Izzatil Fatimah Mohd Nazri & Nazneen Ismail, 2019).

Dalam tempoh 6 bulan peserta yang mengikuti pengajian HC akan dapat menguasai kefahaman akidah yang jelas dan mantap terutamanya rukun iman dan rukun Islam. Peserta dapat melaksanakan solat sekurang-kurangnya mengetahui niat, bacaan al-Fatihah, bacaan sujud, rukuk serta tahiyat serta mengetahui asas bersuci dan mandi wajib.

Setelah peserta mengikuti pengajian di HC selama setahun dalam tempoh ini mereka mampu melaksanakan perkara wajib seperti solat, menutup aurat dan meninggalkan perkara yang dilarang hasil dari pemahaman yang baik berkaitan fiqh solat dan ibadah. Peserta turut dapat menghayati dan seterusnya mempraktikkan nilai-nilai murni, adab dan akhlak Islam. Dari aspek bacaan al-Quran, peserta mampu membaca iqra dan mengenal huruf *hija'iyah* dengan baik.

Seterusnya, setelah mengikuti pendidikan HC selama setahun 6 bulan, pencapaian mereka adalah mampu berdikari dan bersedia untuk bergelar mukalaf. Mereka dapat menguasai cabang ilmu pengetahuan agama yang lebih tinggi dan mendalam. Mampu membaca al-Quran dengan baik. Dalam tempoh ini mereka dilatih melalui sistem usrah dan bersedia dilatih menjadi da'i untuk berkhidmat kepada masyarakat.

HC telah menyediakan 3 kategori kelas asas, pertengahan dan lanjutan. Pengajian kelas asas sebahagian besarnya membincangkan konsep Akidah dan Syariah (Ibadah). Penekanan kepada akidah merangkumi perkara Islam, iman dan ihsan, konsep ketuhanan, kerasulan, kejadian insan dan alam. Konsep ibadah pula banyak menyentuh aspek taharah, solat dan puasa. Aspek fiqh muamalat juga turut dibincangkan secara asas, termasuk ilmu al-Quran, Hadis dan Akhlak. Secara umumnya kelas asas sangat ditekankan kepada perkara berkaitan solat selama 6 minggu. Kelas pengajian asas banyak dikhususkan kepada perbincangan tentang konsep asas sejajar dengan tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar.

Kurikulum pengajian kelas pertengahan pula membincangkan perkara yang sama berkaitan akidah dan syariah (ibadah) dalam tempoh 17 minggu. Terdapat penambahan tajuk tentang sejarah Islam dan perundangan Islam. Tajuk-tajuk perbincangan bagi kelas pertengahan agak tinggi berbanding kelas pengajian asas dan lebih tertumpu kepada perkara fiqh ibadah dalam perbincangan bab solat dan zakat. Konsep pengurusan harta dalam Islam wasiat, hibah, wakaf dan faraid dibincangkan dalam Fiqh Muamalat bagi mendedahkan kepada pelajar tentang konsep harta, pemilikan dan hak serta tanggungjawab.

Setelah pelajar berjaya menjalani kelas asas dan pertengahan, pelajar ditawarkan mengikuti kelas pengajian lanjutan selama 14 minggu. Perbincangan kelas lanjutan memfokuskan kepada aliran pemikiran yang bercanggah dengan Islam dan ajaran sesat. Pelajar juga didedahkan dengan pemikiran moden seperti liberal, sekular dan lain-lain. Antara kurikulum tambahan dalam kelas lanjutan ialah tafsir, sistem perundangan Islam, undang-undang jenayah Islam dan perbandingan agama.

MODUL PENDIDIKAN BAITUSSALAM (LEMBAGA ZAKAT SELANGOR)

Baitussalam adalah sebuah institusi pusat perlindungan muallaf yang bersifat sementara. Institusi ini berperanan sebagai pusat komuniti kepada muallaf. Mereka perlu dibangunkan jati diri dan didikan yang secukupnya berdasarkan garis panduan Islam dari aspek keyakinan agama dan pelaksanaan praktikal Islam. Baitussalam merupakan pusat transformasi muallaf yang berperanan sebagai tempat perlindungan dalam menjaga kebajikan muallaf yang baru memeluk agama Islam. Selain memberi bimbingan fardu ain, kaunseling dan kemahiran vokasional kepada golongan sasaran khususnya muallaf selaras dengan tuntutan Bahagian V Perkara 26 berkaitan Perlindungan Muallaf, Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Muallaf (Negeri Selangor) 2009 Pindaan 2013 (Lembaga Zakat Selangor, tt).

Antara fungsi penubuhan Baitussalam ialah untuk memberi perlindungan, pengajaran dan pembangunan diri yang berkesan kepada muallaf yang tidak terbelah. BS akan melahirkan muallaf yang berilmu serta mampu berdikari dari aspek agama, berkemahiran dan berkeupayaan berdakwah serta mampu menjadi daie / kader dakwah dalam membangunkan Islam.

Kurikulum Pendidikan Baitussalam

Dalam tempoh 6 bulan penghuni Baitussalam perlu mengikuti 14 kelas pengajian bagi setiap minggu. Pelajar perlu mengikuti kelas selama 17 minggu. Setiap subjek mengambil masa selama satu jam. Terdapat 3 mata pelajaran yang iaitu Tauhid, Feqah dan Iqra' dijalankan oleh guru pembimbing. Manakala mata pelajaran lain seperti praktikal lafaz azan & iqamah, praktikal thoharah, praktikal & bacaan dalam solat, kelas bacaan iqra' dilaksanakan oleh warden pembimbing. Bagi mata pelajaran Talaqqi Al-Quran, Kelas Hafazan ia dilaksanakan oleh guru pembimbing. Selain itu, mata pelajaran Tafsir, Akhlak, Hadis, Sirah dan Feqah diajar oleh guru yang dilantik oleh BS secara khusus.

Jadual 5: Ringkasan modul pengajaran Baitussalam

| Subjek | Kandungan Tahap 1 | Kandungan Tahap 2 |
|--------------------------------|--|---|
| Tauhid | Rukun Iman Rukun Islam | Sifat 20, Konsep Ketuhanan |
| Feqah | Bersuci dalam Islam, Air dan pembahagiannya Najis dan pembahagiannya, Taharah (Istinjak, Wudhuk, Tayamum, Mandi Wajib). | Solat dan bacaannya, Haid, Nifas dan Istihadhah, Zakat, Puasa, Haji |
| Akhlak | Sifat Mahmudah Sifat Mazmumah | Adab dengan diri sendiri, Adab sesama makhluk |
| Sirah | Salasilah Rasulullah, Kisah hidup Rasulullah | Peperangan di zaman Rasulullah, Khulafa Ar Rasyidin |
| Tafsir | Al-fatihah, An-Nas, Al-Falaq, Al-Ikhlash, Al-Masad, An-Nasr, Al-Kaafirun | Al-Kauthar, Al-Maun, Al-Quraisy, Al-Fil, Al-Asr |
| Hadis | Bacaan dan Hafazan 10 Hadis | Martabat Hadis Bacaan dan Hafazan 10 Hadis |
| Praktikal Azan & Iqamah | Pengertian Azan dan Iqamah, Pensyariatannya Azan, Waktu yang diharuskan Azan | Praktikal Azan dan Iqamah, Doa selepas Azan, Doa selepas Iqamah |
| Praktikal Thoharah | Istinjak, Mandi Wajib, Wudu', Tayammum | Samak, Sertu |
| Praktikal & Bacaan Dalam Solat | Rukun Solat, Perkara Sunat Dalam Solat, Perkara Yang Membatalkan Solat, Masbuk Muaffiq, Solat Berjemaah | Solat Jamak dan Qasar, Cara solat ketika sakit, Solat - solat Sunat |

ANALISIS KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis perbandingan antara modul pendidikan dan pengajaran muallaf yang digunakan di Hidayah Centre (HC), Darul Hidayah (DH) serta Baitussalam. Antara aspek yang dilihat adalah tahap, tempoh pengajian dan juga subjek yang diajar. Ringkasan perbandingan tersebut adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Perbandingan subjek di tempat perlindungan muallaf

| Item | HIDAYAH CENTRE (HC) | DARUL HIDAYAH (DH) | BAITUS SALAM (BS) |
|--------|---------------------|--------------------|-------------------|
| Tahap | 3 | 4 | 2 |
| Tempoh | 1 tahun 6 bulan | 2 tahun | 6 bulan |

| | | | |
|--------|------------------------------|------------------------|--------------|
| Subjek | 1. Akidah* | 1. Akidah* | 1. Tauhid* |
| | 2. Ibadah* | 2. Ibadah* | 2. Feqah* |
| | 3. Akhlak* | 3. Muamalat** | 3. Akhlak* |
| | 4. Perundangan Islam | 4. Quran* | 4. Sirah* |
| | 5. Muamalat** | 5. Hadis* | 5. Tafsir* |
| | 6. Sirah & Tamadun Islam* | 6. Akhlak* | 6. Hadis* |
| | 7. Quran & Hadis* | 7. Sirah* | 7. Praktikal |
| | 8. Munakahat | 8. Pembangunan Agama** | |
| | 9. Dakwah dan Perbandingan** | 9. Isu-isu muallaf | |

Nota: *Persamaan subjek 3 tempat
 **Persamaan subjek 2 tempat

Jadual 6 di atas menunjukkan hasil analisis terhadap tiga tempat pendidikan muallaf yang telah dibandingkan dengan beberapa item iaitu mengikut tahap, tempoh dan subjek yang tawarkan. Bagi tahap pengajian, HC membahagikan kepada 3 tahap, DH 4 tahap, dan BS kepada 2 tahap. Manakala tempoh pengajian juga menunjukkan perbezaan iaitu, HC 1 tahun 6 bulan, DH selama 2 tahun dan BS selama 6 bulan.

Perbandingan seterusnya adalah perbezaan antara subjek yang diajar kepada muallaf di ketiga-tiga tempat pengajian. Antara yang menarik perhatian adalah terdapat 6 subjek yang sama diajar di ketiga-tiga tempat pengajian iaitu, subjek Akidah, Ibadah, Akhlak, Sirah, Quran dan Hadis.

Jelas di sini menunjukkan bahawa, 6 subjek utama yang perlu ada di semua pusat pengajian muallaf adalah subjek Akidah, Ibadah, Akhlak, Sirah, Quran dan Hadis. Hal ini kerana, subjek-subjek ini merupakan asas kepada agama Islam itu sendiri atau dikenali sebagai ilmu fardu Ain (Akidah, Ibadah, Akhlak), manakala pengajian Quran dan Hadis juga sangat penting memandangkan setiap ibadah yang dilakukan memerlukan pembacaan al-Quran, jadi setiap muallaf perlu diajar untuk pandai membaca al-Quran. Pengajian sirah pula adalah bertujuan menghayati perjalanan agama Islam serta sejarah hidup Rasulullah SAW yang menjadi ikutan seluruh umat Islam.

Selain itu terdapat juga subjek yang diajar di dua tempat pengajian (HC dan DC), iaitu subjek muamalat serta dakwah dan perbandingan agama. Bagi subjek yang hanya diajar di tempat pengajian masing-masing adalah Munakahat (HC), isu-isu muallaf (DH), dan praktikal di BS.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa masih belum wujud lagi satu modul pengajian muallaf yang komprehensif meliputi semua aspek fardu ain dan fardu kifayah, bukan setakat memberi pendidikan agama Islam sahaja malah memberi pendidikan terhadap seluruh aspek kehidupan seharian seorang Muslim yang sempurna.

Antara cadangan yang boleh ditambah ke dalam modul adalah, pendidikan bagi pengurusan diri, iaitu bagaimana seseorang Muslim menguruskan diri bermula bangun dari tidur sehinggalah kembali semula ke tempat tidur. Ini penting kerana, kehidupan muallaf sebelum Islam mungkin banyak berbeza dengan kehidupan seorang Muslim. Sebagai contoh, bangun awal untuk mengerjakan solat Subuh, yang mana kehidupan sebelumnya tidak pernah untuk bangun di awal pagi.

Selain itu, dicadangkan juga untuk memasukkan silibus kemahiran hidup dalam modul pendidikan muallaf. Hal ini bertujuan menyiapkan para muallaf dengan kemahiran-kemahiran yang boleh dimanfaatkan dalam hidup mereka sejurus selepas mereka tamat daripada pusat pendidikan kelak. Antara kemahiran yang boleh diajar adalah seperti menjahit, memasak, berkebun, bertukang dan sebagainya. Sedikit sebanyak mereka akan mendapat kemahiran baru selepas tamat pengajian tersebut dan boleh menggunakan kemahiran itu untuk kesinambungan kehidupan mereka nanti.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan lebih ramai pengkaji-pengkaji untuk memberi fokus dalam bidang muallaf, bersama-sama meningkatkan tahap perkhidmatan kepada golongan muallaf yang sememangnya memerlukan bantuan yang padu daripada semua pihak memandangkan mereka masih lagi baharu dalam agama Islam. Semoga dengan peningkatan tahap kualiti perkhidmatan terhadap golongan muallaf ini dapat menarik minat lebih ramai orang bukan Islam bersama-sama kembali ke agama fitrah ini.

RUJUKAN

- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, & Jemali, M. (2017). Pengajaran akidah dalam kalangan muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif* (Special Issue 1), 96-98.
- Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Persepsi muallaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan muallaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 135-148.
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Asrama Darul Hidayah Kg. Baru, <http://www.jawi.gov.my/index.php/my/sosial/asrama-darul-hidayah-maiwp-kg-baru> (Diakses pada 12 Jun 2020).
- Khairani Ishak, Ima Mardhiyah Dawi Cahyono, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad. (2016). Cadangan bantuan zakat asnaf Al-Riqab terhadap banduan melalui latihan vokasional di Penjara: Kajian di Penjara Wanita Kajang, Selangor, *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Hadenan Towpek. (2013). Pengalaman banduanita dalam kelas pengisian agama: Analisis terhadap program halaqah di Penjara Kajang, ICSSR *e.Journal of the Social Science Research*, Volume 1, No.1, 28-39.
- Lembaga Zakat Selangor. tt. Baitus Salam. <https://www.zakatselangor.com.my/asnaf/baitus-salam/> (Diakses pada 12 Jun 2020).
- Masnih Mustafa, Nur Aimie Syarmimi Jaafar, & Ali, K. (2017). Management of dakwah towards muallaf: A case study at Kompleks al-Saadah, Seremban. Paper presented at the International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSAH), Open University of Malaysia.
- Md Noor Hussin, Kamal Azmi Abd Rahman, & Wazir, R. (2019). Kajian deskriptif terhadap pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan muallaf. Paper presented at the International Conference on Muallaf 2019 (ICoM 2019) Grand Bluewave Hotel, Shah Alam.
- Nurayuni Adibah Abdullah, Mariam Abd. Majid, Noraini Mohamad, & Hamdani, S. M. (2019). Persepsi muallaf terhadap modul pengajaran kelas fardhu ain muallaf (KFAM) Daerah Hulu Langat, Selangor. Paper presented at the International Conference on Muallaf 2019 (ICoM 2019) Grand Bluewave Hotel, Shah Alam.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan muallaf di Malaysia: Kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Jurnal Usuluddin* 46 (2): 97-122.

- Syarul Azman Shaharuddin, Hanis Najwa Shaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, & Misra, M. K. A. (2018). Tahap kefahaman akidah dalam kalangan mualaf di Negeri Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, volume 5, 82-91.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf di Negeri Sembilan: Analisis Perspektif Da'i dan Mad'u. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 65-85.